

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TAN KAR HING [ GOPENG ]**

**TARIKH : 26 OKTOBER 2023 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Tuan Tan Kar Hing [ Gopeng ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) bagi menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Perak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB) akan melaksanakan satu projek yang dinamakan sebagai *Optimization Project* di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah (LTSAS) Ipoh, yang melibatkan kerja-kerja ubah suai terminal bagi tujuan mewujudkan suasana dan pengalaman yang lebih selesa kepada penumpang.
2. Tempoh pelaksanaan projek ini dianggarkan akan mengambil masa selama dua tahun. Proses pelantikan kontraktor dan perunding akan dilaksanakan menjelang suku keempat tahun 2023 dengan jangkaan siap menjelang suku keempat tahun 2025.

Sekian, terima kasih.